

SEJARAH

Bab 7 - 8

SOALAN OBJEKTIF

Jawab semua soalan.

BAHAGIAN A

- 1 Senarai berikut merupakan antara tokoh tempatan yang menentang kuasa Barat.

- Dato' Bahaman
- Yamtuan Antah
- Haji Abdul Rahman Limbong

Apakah matlamat sebenar penentangan tokoh tempatan terhadap kuasa Barat di negara kita?

- A Mengembalikan kuasa pembesar yang dinafikan Barat
- B Barat merampas tanah dan menganiyai rakyat dengan cukai yang tinggi
- C Barat memperkenalkan undang-undang yang tidak sesuai dengan masyarakat setempat
- D Adat, budaya dan agama masyarakat tempatan terancam dengan penyebaran agama Kristian

- 2 Gambar berikut menunjukkan tokoh tempatan yang menentang British.




Mengapakah tokoh tersebut melakukan penentangan terhadap British di Naning?

- A Beliau dipaksa untuk mengakui ketuanan British
- B Beliau dilucutkan jawatan sebagai Penghulu Naning
- C Beliau dikenakan cukai tahunan sebanyak 1/10 daripada hasil tanaman
- D Rumah dan harta beliau dibakar kerana enggan meletakkan jawatan sebagai penghulu

- 3 Bagaimanakah bentuk penentangan yang dilakukan oleh masyarakat tempatan terhadap kuasa Barat?

- A Mengadakan demonstrasi
- B Menggunakan sistem perundangan
- C Mengugut wakil Barat dan mensabotaj pentadbiran mereka
- D Membawa kes campur tangan Barat ke mahkamah antarabangsa

- 4 Rajah berikut menunjukkan jajahan takluk Seri Menanti dan kawasan pertempuran Yamtuan Antah.



Apakah faktor Yamtuan Antah menentang Dato' Kelana yang disokong oleh British?

- A Dato' Kelana telah merampas kawasan kekuasaannya
- B Dato' Kelana telah menyerahkan Sungai Ujong kepada British tanpa pengetahuannya
- C Beliau bimbang campur tangan British di Sungai Ujong akan menggugat kedaulatan bangsa
- D Beliau tidak mahu campur tangan British akan menggugat sumber pendapatannya sebagai pemungut cukai

- 5 Pilih sebab penentangan Rentap terhadap James Brooke di Sarawak.
- I Rentap dituduh sebagai lanun
 - II James Brooke menghapuskan penempatan orang Iban
 - III James Brooke telah memperkenalkan sistem pungutan cukai yang membebankan orang Iban
 - IV James Brooke telah melanggar perjanjian untuk tidak menyerang kubu Rentap di Nanga Skrang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 6 Penentangan Sharif Masahor terhadap James Brooke telah mendapat sokongan daripada suku yang lain daripada Sarawak. Suku tersebut ialah
- A Iban
 - B Dayak
 - C Brunei
 - D Bidayuh
- 7 Tokoh yang turut serta dengan Tok Janggut menentang British di Kelantan ialah
- I Tokku Paloh
 - II Long Yunus
 - III Penghulu Adam
 - IV Che Ishak Merbol
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 8 Apakah kesan daripada sikap Gabenor Beaufort yang menganggap Mat Salleh sebagai pengancam kepentingan Syarikat Borneo Utara British di Sabah?
- A Mat Salleh dan Mat Sator bangkit menentang Syarikat Borneo Utara British
 - B Syarikat Borneo Utara British terpaksa mengadakan perjanjian dengan Mat Salleh dan mengakui ketuanan beliau di Ranau
 - C Mat Salleh cuba untuk berunding dengan Syarikat Borneo Utara British tetapi telah ditangkap oleh Syarikat Borneo Utara British dan dipenjarakan
 - D Mat Salleh telah membina kubu di Tambunan dan melakukan serangan hendap terhadap kepentingan Syarikat Borneo Utara British di Tambunan
- 9 Mengapakah British berjaya campur tangan dan menguasai pentadbiran di negeri-negeri Melayu?
- A Mengancam kedudukan pembesar di jajahan takluk
 - B Memberikan pampasan dan anugerah kepada sultan
 - C Mengadakan perjanjian dengan pembesar dan sultan
 - D Memperkenalkan budaya Barat kepada masyarakat setempat
- 10 Apakah bentuk penentangan yang digunakan oleh pembesar Terengganu untuk menentang British?
- A Menjadikan ahli keluarga sebagai kubu
 - B Melancarkan perang jihad terhadap British
 - C Menggunakan sistem perundangan dan agama
 - D Menggunakan nama sultan sebagai benteng untuk tidak diserang British
- 11 Nilai apakah yang dapat diteladani oleh generasi muda hasil penentangan pembesar tempatan terhadap British?
- I Pemufakatan
 - II Pengorbanan
 - III Kewibawaan
 - IV Kebijaksanaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 12 Apakah tindakan British yang ketara yang menyebabkan Dato' Bahaman bertindak menentang British di Pahang?
- A British telah membuka balai polis tanpa keizinannya
 - B British telah menandatangani perjanjian dengan sultan untuk memungut cukai di Lubuk Trua
 - C British dengan bantuan Mat Kilau telah menangkap wakil Dato' Bahaman yang sedang mengutip cukai
 - D British telah memaksa sultan melucutkan gelaran Dato' Setia Pahlawan Semantan dan membentuk daerah di bawah pentadbiran Pemungut Cukai dan Majistret

- 13** Apakah bentuk penganiayaan yang dilakukan oleh British terhadap penduduk Pasir Puteh di Kelantan?
- Penduduk perlu mendapat surat kebenaran mengambil hasil hutan daripada British
 - Penduduk menghadapi masalah membayar cukai yang dikatakan jauh daripada tempat tinggal mereka
 - Penduduk dilarang untuk membuka tanah baharu yang menyebabkan mereka kekurangan sumber bekalan
 - Penduduk dikenakan pelbagai jenis cukai terhadap barang yang dibawa dan barang mereka akan dirampas jika gagal membayarnya
- 14** Mengapakah Raja Syed Alwi membantah Protokol Sempadan Perjanjian Bangkok 1909?
- Perlis bakal kehilangan wilayah Pujoh
 - Kuasa pentadbiran Pujoh diserahkan kepada British
 - Perlis akan diletakkan di bawah pengaruh kerajaan Siam
 - Baginda diarahkan untuk turun takhta kerana Perlis ditadbir oleh Penasihat British
- 15** Apakah kesan jangka panjang akibat Protokol Sempadan Perjanjian Bangkok 1909 yang dibantah oleh Raja Perlis dan Sultan Kedah?
- Perlis bakal diperintah oleh Siam
 - Kedah ditadbir oleh British secara kekal
 - Wilayah negeri-negeri Melayu Utara berpecah
 - Pulau Langkawi menjadi pelabuhan bebas cukai yang dikuasai oleh Siam
- 16** Mengapakan Tengku Menteri Ngah Ibrahim menemui Sultan Abu Bakar, Sultan Johor semasa mentadbir daerah Larut?
- Meminta bantuan ketenteraan daripada Sultan Abu Bakar
 - Melarikan diri daripada kerajaan British kerana terlibat dalam pembunuhan J.W.W. Birch
 - Untuk mempelajari sistem pentadbiran moden Sultan Abu Bakar bagi memajukan daerah Larut
 - Untuk menjual hasil bijih timah kepada Sultan Johor kerana harga yang ditawarkan lebih tinggi daripada British
- 17** Tindakan apakah yang dilakukan oleh Sultan Zainal Abidin III untuk membantah Protokol Sempadan Perjanjian Bangkok 1909?
- Melancarkan serangan bersenjata
 - Mengancam untuk menghalau penasihat British di Terengganu
 - Mengemukakan bantahan kepada Gabenor Negeri-negeri Selat
 - Membayar ufti kepada Siam tanda persahabatan untuk menyekat pengaruh British terhadap Terengganu
- 18** Apakah tujuan Dato' Muhammad Salleh Perang melukis peta lengkap pertama negeri Johor?
- Untuk menggerakkan pembangunan pertanian, perbandaran dan sistem perhubungan
 - British mengarahkan Sultan Johor melaksanakan persempadan semula untuk meluaskan tanah jajahan takluk
 - Untuk mengukuhkan sistem pertahanan Johor yang sering terancam oleh ketenteraan British dan Siam
 - Untuk memodenkan pentadbiran Johor dengan membuka bandar-bandar baharu seperti Muar, Endau dan Batu Pahat
- 19** Mengapakan Dato' Abdul Rahman Andak dibersarakan daripada pentadbiran Johor?
- Disyaki berpakat dengan British untuk menggulingkan takhta Johor
 - Kebijaksanaan mematahkan usaha peluasan British terhadap Johor
 - Dilantik sebagai wakil kerajaan Johor dan bertugas dengan kerajaan British
 - Gagal mengadakan perjanjian dengan British yang menyebabkan berlakunya campur tangan British di Johor
- 20** Antara berikut, yang manakah ketokohan Sultan Abu Bakar Johor dalam mengekalkan Johor daripada campur tangan British?
- Menubuhkan Lembaga Penasihat Johor di London
 - Menandatangani perjanjian dengan Syarikat Hindia Timur British
 - Melantik penasihat British dalam pengurusan kewangan dan ekonomi Johor
 - Mengadakan hubungan baik dengan kerajaan Negeri-negeri Selat
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV